

Jom jimat belanja dapur berjaya

Jadi tumpuan orang ramai dapatkan barangan segar pada harga berbaloi

TELOK PANGLIMA GARANG - Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Telok Panglima Garang menjadi tumpuan orang ramai mendapatkan barangan segar sempena Jom Jimat Belanja Dapur.

Program tersebut telah dikendalikan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat dan berlangsung dengan jayanya.

Ketua Peladang Nita PPK Kuala Langat, Dahlia Tahiri berkata, program tersebut dapat sambutan menggalakan apabila lebih 10 jenis sayur-sayuran dijual pada harga berpatutan selain menjual pelbagai produk industri kecil sederhana (IKS) Peladangnya di daerah ini.

Menurutnya, program yang memberi impak bagi kebanyakan wanita itu di-



Program Jom Jimat Belanja Dapur di PPHL PPK Kuala Langat dapat sambutan menggalakan.

lihat mampu memberi peluang memilih barangan dapur yang murah daripada pekebun sekitar.

"Bila barangan yang dijual murah, ada permintaan supaya diadakan dengan lebih ke-

rap, sekali gus ia sebagai tarikan baharu untuk pelanggan di sini mendapatkan terus hasil ladang yang segar.

"Saya yakin jualan tersebut membantu meringankan beban harian pembeli di-



sebabkan harga jualan di sini lebih murah," katanya dalam Program Jom Jimat Belanja Dapur di PPHL PPK Kuala Langat.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK

Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah berkata, beliau tidak sangka maklum balas yang diterima menggalakan.

Menurutnya, walaupun ada permintaan untuk diadakan dengan lebih kerap,

INFO • Sepanjang program itu lebih 10 jenis sayur-sayuran dijual pada harga berpatutan

ia adalah maklum balas yang baik.

"Saya ada terima permintaan di mana pelanggan mahukan stok bekalan sayur dengan kuantiti yang banyak, sekali gus mereka sendiri berpeluang berjumpa dengan penjual atau pengusaha IKS atau pekebun dalam mendapatkan maklumat.

"Keadaan ini membantu menggalakan pelanggan menambah pendapatan dengan menjadi penjual sekiranya berminat," katanya yang mengakui kuantiti setiap bekalan hanya sekitar 50 kilogram sahaja.



DENGARKAN **CHEF** DI KONTI



*DISKAUN 25% DENGAN MENGGUNAKAN KOD INI: **KMDK**

CHEF NORBAINI CHEF ALAF 21

ABANG BRIAN DJ SURIA FM & MASTERCHEF

MENU SURIA

ESKIM - JUMAAT | 10AM - 1PM

TARIKH	MASA	FREKUENSI
KHAMIS 7 DISEMBER 2017	11.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI	105.3FM LEMBAH KLANG

CEPAT & MUDAH

Dapatkan buku ini dengan DISKAUN ISTIMEWA 25% menggunakan kod KMDK dan hantarkan kepada 019-2297227 (KarangKraf Mall) melalui aplikasi Whatsapp.

Bertemu semula setelah 38 tahun berpisah



Sebahagian Bekas Pelajar SMKTD Tahun 1975 hingga 1979 berjaya dikumpulkan di Pantai Morib, semalam.

MORIB - Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datok (SMKTD) disaran terus menghidupkan suasana majlis pertemuan semula dalam kalangan mereka bagi memupuk suasana kekeluargaan dan kasih sayang.

Penganjur Perjumpaan Bekas Pelajar SMKTD Tahun 1975 hingga 1979, Arie Bohari Basri berkata, beliau tidak sangka 70 bekas pelajar berjaya dikumpulkan sekali gus menggemakan kenangan lama selepas 38 tahun berpisah.

Menurutnya, kebanyakan

mereka ada yang masih bekerja dan perjumpaan tersebut sebenarnya memupuk semangat satu pasukan di mana dapat bertukar-tukar idea seperti di zaman persekolahan.

"Kami wujudkan grup WhatsApp sekolah ke arah penyatuan dan membantu rakan-rakan yang berdepan masalah," katanya yang menganjurkan perjumpaan di Pantai Morib, semalam.

Arie berkata paling seronok, perjumpaan itu turut berjaya mewujudkan ahli jawatankuasa SMKTD yang ditugaskan menjaga hal etwal kebajikan ahli.

Katanya, pertemuan itu juga telah berjaya mengutip wang sebanyak RM2,200 untuk kebajikan ahli SMKTD.

"Saya fikir usaha ini perlu dicontohi oleh semua bekas pelajar sekolah ini, saya faham ada bekas pelajar di beberapa tahun tertentu telah membuat perjumpaan dalam kalangan mereka.

"Namun bagi saya, jika ia diwujudkan, saya harap sangat setiap bekas pelajar carjanaan rapatkan ukhuwah sesama mereka. Dah tentu bekas guru-guru kita pun gembira bila kita buat program-program bersama bekas pelajar di sini," katanya.